

# Penjelasan Dr Mahathir berhubung peletakan jawatan

Sidang akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, semalam, sekembalinya dari bercuti di Itali.

**SOALAN:** Rakyat tertunggu-tunggu untuk mendapatkan penjelasan YAB Perdana Menteri (PM) sendiri. Walaupun sebelum ini sudah ada kenyataan oleh Timbalan Perdana Menteri (TPM) tetapi rakyat mahu mendengar sendiri daripada Datuk Seri.

Jadi soalan saya, sebelum Datuk Seri memberi ruang kepada wartawan lain, izinkan saya bertanya beberapa soalan.

Soalan pertama saya, nampaknya rakyat sudah mula menerima dan rakyat menghormati keputusan Datuk Seri. Sungguhpun begitu, mereka berasakan, mereka mahu mendapatkan penjelasan kenapa Datuk Seri memilih 25 Oktober 2003 untuk berundur dan satu lagi kita dapati Datuk Seri sekali lagi membelakangkan kepentingan keluarga demi negara dan juga parti. Apakah sebenarnya maksud atau yang memberi dorongan kepada Datuk Seri berbuat demikian?

**Dr Mahathir:** Yang pertamanya saya sudah cakap juga dengan beberapa pemimpin dan kawan-kawan saya mengenai hasrat saya untuk berhenti. Bahkan saya bercakap dengan Khalil (Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob), pernah cakap dengan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) pun saya sebut juga. Tetapi semua yang saya bertemu, semuanya hendak saya

mangku kerana ia mengikut pemilihan. Jadi saya berharap saya dapat tinggalkan parti secara lincilah, tidak ada masalah dan saya beri pengakuan saya akan turut bekerjasama dalam parti.

**Soalan:** Mungkin ada juga yang bertanya apakah kriteria Datuk Seri memilih Datuk Seri Abdullah Badawi?

**Dr Mahathir:** Ya... kriteria yang utama ialah Datuk Abdullah dipilih oleh Umno sebagai timbalan presiden dan yang keduanya, saya telah bekerjasama dengan Datuk Abdullah sekian lama dan ada satu masa saya tanya kepada Datuk Abdullah... lama dah juga, sama ada dia sudah bersedia untuk mengambillalih dan beliau menyatakan kesediaannya untuk mengambillalih. Jadi tak ada soalan lah lepas tu.

**Soalan:** Jadi peralihan kepada 16 bulan itu bagi sesetengah orang berpendapat terlalu lama dan ada yang mengatakan tentunya akan wujud dua Perdana Menteri pada satu ketika. Apa komen Datuk Seri?

**Dr Mahathir:** Saya ingat itu tak jadi masalah. Yang jadi sampai 16 bulan itu kerana Mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Saya telah memberi pengakuan kepada ramai juga pemimpin OIC sebab saya akan menyambut mereka ke mesyuarat itu. Jadi tak

teruskan sedolenn-dolennnya hingga akhir hayatlah. Saya berpendapat kalau saya tak buat pernyataan secara terbuka, mungkin desakan-desakan itu tidak dapat ditepis oleh saya. Sebab itu saya buat keputusan untuk membuat kenyataan secepat mesyuarat agung. Saya sebenarnya, tak dapat nak habiskan kenyataan yang saya buat itu, tujuan saya nak langsung (sebut) iaitu saya melepaskan jawatan dalam Umno, semua jawatan dalam Umno, juga daripada BN. Tapi saya nak terus jadi wakil rakyat Kubang Pasu. Saya juga nak buat kenyataan saya nak letak jawatan dalam kerajaan sebagai PM dan Menteri Kewangan dan lain-lain jawatan yang saya pegang. Tetapi saya akan terus bekerja dalam Umno untuk memperkukuhkan Umno. Itulah kenyataan yang saya cadang untuk buat, yang saya tak dapat nak buat. Lagi satu soalan? (bertanya kepada media)

**Soalan:** Mengenai tarikh 25 Oktober 2003?

**Dr Mahathir:** Tarikh tu tak ada. Cuma, pasal itu hari kita ada mesyuarat penghabisan. Jadi saya nampak peluang terbaik ialah sewaktu saya menggulung perbahasan, jadi setelah saya tamat menggulung, saya ada tulis sedikit kerana saya tak nak kata sesuatu yang tak kena. Jadi saya sebut bahawa saya akan letak jawatan.

**Soalan:** Jadi Datuk Seri, banyak juga yang kesal kerana Datuk Seri tidak berpeluang untuk menghabiskan ucapan Datuk Seri itu. Sekiranya Datuk Seri dibenarkan untuk membuat ucapan itu, adakah Datuk Seri pada hari itu akan menamakan bakal pengganti Datuk Seri?

**Dr Mahathir:** Ya. Saya tetap akan menyebut, menyerahkan jawatan saya kepada Datuk Abdullah kerana ini tradisi Umno, iaitu timbalan menggantikan presiden dalam parti dan apabila mengganti presiden, timbalan juga sebagai ketua parti yang akan dilantik sebagai Perdana Menteri. Saya sendiri sokong pelantikan Datuk Abdullah sebagai Perdana Menteri dan sebagai pemangku presiden parti. Perdana Menteri terus (dilantik), dalam parti sebagai pe-

eloklah kalau saya tak tunaikan janji saya. Walaupun kalau diterima peletakan jawatan saya pada hari itu, tentulah saya tak lagi tuan rumah. Apabila saya dapat ramai yang tidak bersetuju dengan hasrat saya dan nak saya teruskan, saya minta pada mulanya untuk sebulan, tapi itu tidak diterima, jadi pada keesokan hari apabila ketua-ketua parti datang ke rumah, pada masa itu saya fikir sebagai satu tanggungjawab saya nak teruskan jadi pengerusi Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM) dan Pengerusi OIC, saya teruskan sehingga 16 bulan, sehingga tamat mesyuarat OIC. Dalam masa yang sama, saya dapat persetujuan tidak akan ada perebutan kuasa atau apa-apa yang tidak manis dalam parti

**Soalan:** Selamat pulang ke tanah air. Saya rasa sebahagian besar rakyat berterima kasih ke atas keputusan Datuk Seri untuk meneruskan jawatan sebagai PM. Boleh Datuk Seri bagi sedikit sebab mengapa Datuk Seri mahu meletakkan jawatan sedangkan pilihan raya akan diadakan dan perjuangan belum selesai. Apakah perlu Datuk Seri meletak jawatan?

**Dr Mahathir:** Ya. Saya telah berkhidmat sudah 21 tahun. Genap bulan ini saya 21 tahun. Saya fikir 21 tahun agak satu jangka masa yang panjang bagi seorang PM. Saya sebenarnya berhasrat untuk letak jawatan pada 1998 tapi oleh kerana keadaan pada ketika itu termasuk kegawatan ekonomi, saya tangguh lah hasrat saya untuk letak jawatan. Sekali lagi masa itupun saya tak bagi tahu kepada sesiapa hasrat saya. Tapi lepas Sukan Komanwel, saya fikir eloklah pada masa itu saya berundur, tetapi sekarang ini.... setelah itulah... masa yang panjang. Lagi pun saya telah berusaha sedaya upaya untuk memulih semula parti dan saya berpendapat bahawa parti sudah dipulih dan sokongan kepada parti sudah kuat semula. Jadi saya taklah lari daripada tanggungjawab saya. Kalau saya pergi terlalu awal, di waktu parti menghadapi masalah, lemah, seperti keadaan pada 1999, itu nampak seolah-olah saya lari daripada tanggungjawab saya. Sebab itu saya

tunggu sekejap.

**Soalan:** Jadi Datuk Seri boleh tolong terangkan dalam tempoh 16 bulan yang Datuk Seri akan terus menjadi PM, apakah keutamaan yang akan Datuk Seri beri selama tempoh itu?

**Dr Mahathir:** Saya nak tentukan supaya segala dasar-dasar parti kita akan dapat diteruskan dan juga beberapa tugas dalam kerajaan dapat diselesaikan. Tak ada perbezaan dari segi dasar atau apa-apa, dan saya akan beri kerjasama sepenuhnya kepada Datuk Abdullah dan rakan-rakan dan saya yakin bahawa kita dapat bekerja dengan baik untuk kepentingan parti dan kepentingan negara.

**Soalan:** Datuk Seri, kebanyakan pemimpin negara lain misalnya meletakkan jawatan atas desakan, diguling ataupun tewas dalam pilihan raya, tapi keadaan Datuk Seri berbeza sedikit. Tidakkah Datuk Seri rasa bersalah kerana khidmat Datuk Seri memang diperlukan pada ketika ini?

**Dr Mahathir:** Ya... saya boleh berkhidmat walaupun di luar parti. Bahkan saya akan mempunyai masa yang lebih untuk menumpukan kepada menjelaskan mengenai perjuangan parti. Saya gembira pada mesyuarat agung yang baru ini, melihat begitu ramai daripada golongan muda yang memberi sokongan. Ini golongan pelapis dan saya perlu teruskan usaha untuk mendapat (sokongan) golongan pelapis ini supaya Umno dapat dihidupkan berterusan.

**Soalan:** Selamat Pagi PM. Jika dibenarkan bertanyakan soalan, soalan pertama saya, apa yang mendorong Datuk Seri secara tiba-tiba mengumumkan hendak meletak jawatan dan soalan kedua saya, apa perasaan Datuk Seri ketika itu. Kenapa Datuk Seri menangis. Apa perasaan Datuk Seri ketika itu?

**Dr Mahathir:** Sebenarnya saya rasa saya sudah berkhidmat terlalu lama, 21 tahun. Saya sudah menghabiskan masa yang agak lama untuk memastikan parti mendapat kekuatan dan sokongan rakyat dan saya rasa sudah tiba masanya untuk saya berun-

dur. Saya tidak mahu pergi dalam keadaan seolah-olah saya hendak lari daripada tanggungjawab. Saya percaya saya perlu pergi juga akhirnya dan itulah masa terbaik untuk saya berbuat demikian. Namun perpisahan selalunya memanglah menyedihkan. Saya sudah menerajui parti selama 21 tahun sebagai presiden parti dan PM dan sudah menghabiskan hampir dua pertiga daripada kehidupan saya bersama parti. Memanglah saya rasa sedih kerana terpaksa membuat keputusan itu. Lagi pun bila usia semakin meningkat... seseorang itu mudah emosional lah.

**Soalan:** Datuk Seri, apakah Datuk Seri akan bertanding dalam pilihan raya 2004?

**Dr Mahathir:** Yang itu kita akan fikirlah bila masa tiba.

**Soalan:** Datuk Seri, berkenaan dengan pilihan raya yang akan kita hadapi di Pendang dan Anak Bukit. Apakah persiapan BN untuk memastikan BN dapat merampas kedua-dua kawasan itu?

**Dr Mahathir:** (sambil ketawa)... Kita telah buat persiapan lebih awal... lama dah untuk semua kawasan terutama kawasan yang kita fikir mungkin akan mengadakan pilihan raya kecil dan saya yakin bahawa jentera parti sudah siap. Dasar-dasar parti tak jadi masalah, kita boleh mengadakan pilihan raya ini. Kita boleh menghadapi parti lawan walaupun ini adalah kawasan parti lawan.

**Soalan:** Saya dari Australia. Saya difahamkan Datuk Seri berkata Datuk Seri dan Abdullah Badawi ada berbincang mengenai penyerahan kuasa sebelum pengumuman itu dibuat dan apabila Abdullah menjadi PM, apakah Datuk Seri akan berundur terus atau apakah PM akan jadi seperti Singapura (bekas PM dilantik sebagai Menteri Kanan)?

**Dr Mahathir:** (sambil ketawa)... Saya sudah jelaskan, bila saya berundur, saya berundur sepenuhnya. Saya tak akan memegang sebarang jawatan sama ada dalam parti atau dalam kerajaan. Tetapi menjadi tanggungjawab saya untuk memberi sokongan kepada parti, memberi sokongan kepada kerajaan. Biar apa saja

yang saya mungkin fikirkan mengenai dasar kerajaan ia tiada kena-mengena. Saya percaya kepada (prinsip) memberi sokongan kepada kepemimpinan. Saya telah menikmati sokongan padu dan saya rasa menjadi tanggungjawab saya untuk memberi sokongan serupa kepada pengganti saya.

**Soalan:** Bolehkah Australia menyertai Asean?

**Dr Mahathir:** (Sambil ketawa)... Australia?... Kita kena fikirkan dulu. Apabila anda menjadi Asean, kita akan fikirkan mengennainya (secara berseloroh).

**Soalan:** Datuk Seri, ketika Datuk Seri tiada, ramai rakyat menunjukkan bahawa mereka inginkan Datuk Seri terus bertugas dan banyak reaksi spontan daripada rakyat, termasuk pada hari yang Datuk Seri mengumumkan keinginan untuk meletak jawatan. Sejauh mana reaksi spontan rakyat itu mempengaruhi keputusan Datuk Seri untuk meneruskan perkhidmatan?

**Dr Mahathir:** Saya... saya tak nak hampakan hasrat rakyat. Pada masa yang sama, saya percaya satu hari saya kena pergi juga. Di waktu mana pun saya buat keputusan, mungkin ada desakan supaya saya teruskan. Saya tidak percaya kepada hasrat sesetengah orang nak jadi pemimpin seumur hidup. Saya memang daripada awal lagi, saya nak letak jawatan, bahkan awal-awal lagi saya berpendapat, saya jadi PM mungkin enam tahun, tujuh tahun... macam Datuk Hussein (Tun Hussein Onn) juga lah. Tapi oleh kerana sokongan dan kerja yang banyak yang perlu dibuat, saya teruskan.

Tapi satu hari nanti saya mesti letak (jawatan) dan rakyat... saya fikir faham. Saya bersyukur kerana rakyat tak lah membuat sesuatu apa yang tidak baik kerana peletakan jawatan saya dan sokongan mereka itu mengharukan saya. Saya berasa banyak terima kasih kerana sokongan daripada rakyat dan ini memenuhi amalan yang diajar kepada saya oleh ibu saya iaitu bila makan tengah sedap, dia kata, waktu itu berhenti. Jadi ini tengah sedaplah... saya berhentilah.